

Libatkan 1.5 juta pelajar di Selangor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Putrajaya

1,658 sekolah ditutup dua hari

KOSMO 19/09/2019 M/S 03

INFO

Penutupan sekolah akibat jerebu

Negeri	Jumlah Sekolah	Jumlah Pelajar	Bilangan Hari
Selangor	939	911,874	2 hari
Pulau Pinang	398	239,839	2 hari
Putrajaya	25	27,531	2 hari
Kuala Lumpur	296	328,004	2 hari

PUTRAJAYA - Jerebu yang berterusan melanda negara semakin teruk apabila kesemua sekolah dan tadika di Selangor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Putrajaya terpaksa ditutup selama dua hari bermula hari ini.

Ini melibatkan 1,658 buah sekolah serta 1,507,248 pelajar.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malek (**gambar kecil**) berkata, penutupan sekolah dan tadika di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Putrajaya dibuat ekoran bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang semakin tinggi dan berbahaya, manakala di Selangor pula penutupan sekolah dibuat Jawatankuasa Bantuan dan Bencana Selangor.

"Bagi guru-guru yang terlibat dengan penutupan sekolah, mereka diberi pilihan untuk bekerja dari rumah atau hadir ke sekolah," katanya pada sidang akhbar sempena Majlis 'Meet and Greet Pasukan Malaysia Warrior and Malaysia Tiger' di

sini semalam.

Maszlee berkata, guru besar diberi kebenaran untuk mengumumkan penutupan sekolah jika mereka berpandangan keadaan jerebu semakin teruk berdasarkan trend bacaan IPU pada hari berkenaan.

Menurutnya, keputusan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

"Bagi sekolah diumumkan tutup setelah murid-murid berada di sekolah, pelajar dibenarkan

berada di sekolah dan proses pengajaran serta pembelajaran akan berjalan seperti biasa sehingga habis waktu persekolahan bagi sesi itu kecuali ada permintaan waris untuk membawa anak mereka pulang.

"Semua sekolah yang terlibat dengan penutupan juga tidak perlu diganti kerana dikategorikan sebagai cuti bencana," ujarnya.

Maszlee berkata, keputusan penutupan mana-mana institusi pengajian tinggi adalah terletak kepada keputusan pengurusan



PENGAWAL keselamatan menarik pagar selepas Sekolah Rendah Agama Raja Muda Musa, Kampong Bharu, Kuala Lumpur diarah tutup akibat jerebu teruk semalam.

universiti masing-masing.

Selain itu, Kedah, Negeri Sembilan, Perak dan Sarawak turut menutup sekolah masing-masing di kawasan tertentu hari ini akibat jerebu teruk.

Di Kedah ia melibatkan 119 buah sekolah dengan 56,874 pelajar; Negeri Sembilan 53 sekolah (28,073 pelajar); Perak 303 se-

kolah (85,967 pelajar), Sarawak 337 sekolah (138,384 pelajar).

Semalam, sebanyak 1,484 sekolah melibatkan 1,003,310 pelajar di tujuh negeri termasuk Selangor, Pulau Pinang, Putrajaya, Perak dan Sarawak diarah ditutup berikutan peningkatan bacaan IPU di sekitar kawasan masing-masing semalam.